



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

02 September 2016

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

PRESTASI SYARIKAT DISENARAIIKAN TERPILIH YANG BERIBU PEJABAT DI CHINA

No	Nama	Harga pasaran (RM)	Pendapatan (RM'juta)*	Untung selepas cukai (RM'juta)*	Tunai bersih sesaham (RM)*	Nota
1	Maxwell International Holdings Berhad ("Maxwell")	0.030	0.0	(31.7)	0.87	Syarikat ini diberikan status PN17 selepas juruaudit memberikan laporan bersyarat ke atas akaun diaudit bagi TK2015.
2	Multi Sports Holdings Ltd ("Msports")	0.035	N.A.^	N.A.^	N.A.^	Syarikat tidak dapat mengeluarkan laporan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 2015 dan laporan suku tahun ke-2 pada 30 Jun 2016. Dagangan sahamnya akan terus digantung.
3	Xingquan International Sports Holdings Limited ("Xingquan")	0.120	82.8	(386.8)	1.81	Tahap tunai syarikat mengalami penurunan ketara sebanyak RM189.4 juta disebabkan kerugian besar pada suku tahun terkini.

Nota:

* Tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2016.

^ Tidak diberikan.

[Sumber: Pengumuman suku tahunan di laman web Bursa Malaysia]

KOMEN MSWG:

Sememangnya ada syarikat yang mengalami kerugian dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, namun pemegang saham perlu sedar dan menyatakan keimbangan tentang kerugian ini, terutama apabila juruaudit mengeluarkan laporan bersyarat, seperti dalam kes Maxwell. Syarikat lain iaitu Xingquan juga mengalami kerugian besar akibat penolakan produk yang ditempat khas dan kejejasan dalam jumlah penghutang. Komen lanjut adalah seperti berikut:

- (1) Kerugian kewangan Xingquan yang besar ini disebabkan oleh penolakan kasut yang ditempat khas oleh pelanggan tunggal dan peruntukan kemerosotan untuk penghutang. Kerugian ini melenyapkan keuntungan yang dijana dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Pemegang saham Xingquan sudah pasti terkejut dengan keputusan ini. [Rujukan: Nota B.1, halaman 12 hingga 13 dalam laporan suku tahun ke-4 pada 30 Jun 2016]

(2) Satu lagi kes yang mengejutkan adalah apabila juruaudit Maxwell menyatakan dalam laporan tahunan, mereka tidak dapat memberi justifikasi sama ada perbelanjaan pemasaran yang berjumlah RM64.6juta akan memberi manfaat kepada syarikat berikutan pendapatannya yang merudum. Dua daripada enam syarikat pengiklanan yang memeterai perjanjian dengan Maxwell didapati tidak wujud, manakala satu lagi sudah tidak beroperasi. [Rujukan: Halaman 91 hingga 94 dalam Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 2015]

Pengawal selia perlu mengkaji dan mendapatkan penjelasan mengenai isu ini secara serius dan membuat siasatan segera demi melindungi pemegang saham minoriti.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Maxwell International Holdings Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.